



TINDAKAN KASARI PENIAGA BELON DIKECAM

“Insiden tindakan penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang mengasari peniaga belon dalam satu video tular yang berlaku di Jalan TAR adalah perbuatan keji yang tidak boleh diterima.”

- Setiausaha Politik Menteri Kewangan, Muhammad Kamil Abdul Munim



“Ni kan nak musim raya, biarlah kalau dia nak berniaga sekali pun. Dia diperlakukan seperti binatang, dia pun ada anak, ada isteri, ada juga saudara-mara. Kalau saudara-mara dan anak tengok dia diperlakukan begini apakah perasaan mereka, dah tentu mereka sedih.”

- Ketua Pemuda UMNO, Datuk Dr Muhamad Akmal Saleh

DBKL DAKWA PENIAGA BELON TAK HIRAU TEGURAN, BERTINDAK AGRESIF

DBKL dakwa peniaga tak hirau teguran

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memaklumkan telah memberi teguran sebanyak tiga kali kepada peniaga belon tidak berlesen yang didakwa dikasari penguat kuasa itu di Jalan Tunku Abdul Rahman (TAR).

DBKL memaklumkan, peniaga tersebut mula bertindak agresif dan berlaku sentuhan fizikal apabila dia menolak penguat kuasa ketika teguran ketiga diberikan.

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan anggota penguat kuasa berpakaian preman menenangkan dan cuba memisahkan peniaga terbabit daripada mengasari petugas.

“Seperti amalan biasa, DBKL akan memberikan teguran terlebih dahulu sebelum sebarang tindakan penguatkuasaan diambil. Peniaga tanpa lesen lain telah memberikan kerjasa-

ma dan beredar dari kawasan.

“Tetapi seorang peniaga belon enggan mematuhi arahan dan terus berniaga seperti biasa walaupun sudah diberi teguran sebanyak dua kali, malah bertindak agresif ketika teguran kali ketiga,” katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas lanjut, DBKL berkata, situasi menjadi tegang apabila beberapa peniaga lain cuba campur tangan, namun keadaan berjaya dikawal.

“Tiada kecederaan dilaporkan dalam kejadian ini. DBKL akan menjalankan siasatan lanjut dan mengambil keterangan daripada semua anggota penguat kuasa yang terlibat.

“Sekiranya perlu, DBKL juga akan meneliti penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP) dalam tindakan penguatkuasaan bagi memastikan sebarang perkara yang tidak diingini dapat dielak daripada berlaku.

“Satu laporan polis juga telah dibuat oleh penguat kuasa yang terlibat dalam kejadian tersebut,” ujar DBKL.

Dalam pada itu, DBKL menegaskan bahawa tindakan penguatkuasaan tersebut dilaksanakan tanpa mengambil kira latar belakang kaum.

“Penguatkuasaan adalah berdasarkan peraturan yang telah ditetapkan dan tidak mempunyai sebarang motif perkauman. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang menjalankan perniagaan tanpa lesen sah serta mengganggu ketenteraman awam.

“Kawasan Jalan TAR merupakan lokasi tumpuan ramai, lebih-lebih lagi untuk membuat persiapan akhir menyambut Syawal dan DBKL bertanggungjawab memastikan kelancaran,” katanya.